

06 JUL 2003

ASEM-Bon/I

PASARAN BON ASIA DAPAT SOKONGAN EROPAH

Oleh: Openg Onn

NUSA DUA (Bali), 6 Julai (Bernama) -- Cadangan penubuhan pasaran bon Asia telah mendapat sokongan negara-negara Eropah, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Jamaludin Jarjis.

Sokongan itu diterima pada mesyuarat dua hari Menteri-menteri Kewangan dari negara-negara yang menyertai Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) Kelima yang berakhir di sini hari ini.

"Sokongan ini amat bermakna kerana Eropah selama ini membisu mengenai cadangan berkenaan manakala Amerika Syarikat (satu lagi penyedia pasaran bon) masih tidak menyatakan sokongannya," kata Jamaludin kepada pemberita di sini.

Isu pasaran bon Asia dibincangkan dengan meluas di mesyuarat yang dihadiri 177 anggota perwakilan dari 14 negara Eropah dan 10 negara Asia.

Beliau berkata cadangan itu akan diperkemas lagi pada Sidang Kemuncak ASEAN+3 di Manila bulan depan.

Pasaran bon Asia dicadangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak ASEAN+3 di Thailand tahun lepas, ekoran daripada krisis kewangan yang melanda banyak negara Asia pada pertengahan 1997.

Bagi mengelak perkara itu berulang, Perdana Menteri berpendapat Asia perlu mempunyai sumbernya sendiri untuk membiayai projek yang memerlukan belanja besar, daripada bergantung kepada pasaran bon Amerika atau Eropah seperti sebelum ini.

China, Jepun dan Korea Selatan yang merupakan rakan ASEAN dalam ASEAN+3, telah menyatakan sokongan, dengan Jepun memainkan peranan utama berusaha ke arah melaksanakannya dengan cepat dengan menyediakan sistem kawalan, penarafan, urus niaga dan pembayarannya.

Jamaludin berkata Malaysia turut memainkan peranan aktif dalam penubuhan pasaran bon baru itu dengan mengetuai satu daripada enam jawatankuasa dan menjadi pengerusi bersama dalam satu lagi jawatankuasa.

Malaysia adalah pengerusi Jawatankuasa Kerja Urus Niaga Tukaran Asing Dan Sistem Pembayaran serta menjadi pengerusi bersama dengan Filipina dan Indonesia bagi Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Bantuan Teknikal.

Bank Pembangunan Asia (ADB) pula menyediakan bantuan teknikal untuk mempercepatkan penubuhannya.

Jamaludin berkata peranan utama Malaysia dalam dua jawatankuasa itu, yang akan dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti, adalah berdasarkan kemampuan dan kepakarannya dalam bidang-bidang berkenaan.

Ketika ditanya kenapa Eropah menyokong pasaran bon itu memandangkan ia mungkin menghakis penguasaannya dalam sektor itu, Jamaludin berkata mungkin ada agenda politik di sebaliknya.

"Eropah mungkin tidak mahu Amerika Syarikat terlalu kuat dalam bidang ini kerana ia (Amerika) telah mengaut sebahagian besar daripada dana bon dari Asia," katanya.

Tambahan pula, Eropah masih mempunyai peranan tertentu dalam pasaran bon yang dicadangkan itu kerana pengaruhnya di Asia lebih besar daripada Amerika, kata Jamaludin.

-- BERNAMA

OPP HM MAI